

ABSTRACT

This is a study of second language speaking anxiety among Malay ESL learners at an institution of higher learning. The objectives of this study are to determine whether learners experience test anxiety during public speaking, to discover if there is a difference in the anxiety level of high and low proficiency learners, to ascertain whether there are any differences between the high and low anxiety learners in their speaking test assessment, and to identify the factors leading to speaking language anxiety. This study has taken both quantitative and qualitative approaches. The data is mainly obtained from questionnaires and interviews with selected participants, as well as the scores of the speaking assessment. The participants chosen for this study consist of 39 learners from low and high proficiency groups.

The theoretical framework rests on Phillips' (1992) notion that speaking does evoke anxiety among language learners, not only in language classes but more so in test situations. The three main variables being investigated in this study are second language learners, speaking skill and test anxiety.

The main findings suggest that both low and high proficiency learners experience anxiety during speaking tasks, specifically in test situations. Besides, as found in other studies by Kondo (2005) and Woodrow (2007), low anxiety learners also performed better than high anxiety learners in this study. However, the findings of this study also showed differences emerged between the high and low proficiency learners where the reasons for experiencing anxiety were concerned. Therefore, it is apparent that low and high proficiency learners experience anxiety, but the reasons for it differ from one group to another.

ABSTRAK

Ini adalah satu kajian mengenai kebimbangan pertuturan berbahasa kedua di kalangan pelajar-pelajar Melayu di sebuah institusi pengajian tinggi yang bahasa kedua mereka adalah bahasa Inggeris. Objektif-objektif kajian ini ialah untuk menentukan sama ada pelajar-pelajar mengalami kebimbangan menduduki ujian semasa mereka berucap di khalayak ramai, untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan pada tahap kebimbangan pelajar-pelajar berpencapaian tinggi and rendah, untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan di antara pelajar-pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi dan rendah di dalam ujian penilaian lisan, dan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada kebimbangan pertuturan bahasa. Kajian ini telah menggunakan kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data untuk kajian ini diperolehi dari borang soal selidik, temuduga dengan subjek-subjek terpilih, dan juga keputusan ujian lisan mereka. Peserta-peserta yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada 39 pelajar di kalangan kumpulan pencapaian tinggi dan rendah.

Rangka kerja kajian ini adalah berdasarkan kepada anggapan Phillips (1992) bahawa pertuturan boleh menyebabkan kebimbangan di kalangan pelajar-pelajar bahasa, bukan sahaja di dalam kelas-kelas bahasa tetapi terutamanya semasa mereka berada di dalam situasi ujian. Tiga pembolehubah utama yang dikaji adalah isu pelajar-pelajar bahasa kedua, kemahiran lisan dan kebimbangan menduduki ujian.

Hasil kajian utama menggambarkan yang kedua-dua kumpulan pelajar berpencapaian tinggi dan rendah mengalami kebimbangan semasa melakukan aktiviti-aktiviti lisan, terutamanya di dalam situasi-situasi ujian. Selain daripada itu, seperti yang ternyata dalam kajian-kajian lain oleh Kondo (2005) dan Woodrow (2007), kajian ini juga mendapati pelajar-pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan rendah memperoleh pencapaian yang lebih baik dari pelajar-pelajar yang mempunyai tahap

kebimbangan yang tinggi. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini juga menunjukkan timbulnya perbezaan di antara pelajar-pelajar berpencapaian tinggi dan rendah terutamanya yang berhubung dengan sebab-sebab berlakunya kebimbangan mereka. Dengan yang demikian, ternyatalah bahawa pelajar-pelajar berpencapaian tinggi dan rendah mengalami kebimbangan, tetapi sebab-sebab kebimbangan mereka berlainan di antara satu kumpulan dengan yang lain.